

Peruntukan Dana Zakat Bagi Kos Rawatan Jantung Kanak-Kanak: Amalan di Institusi Zakat di Malaysia

[Provision of Zakat Fund for Children's Heart Disease Patients: The Practices of Zakat Institutions in Malaysia]

Ab Rahman, Azman^{*1}, Muhammad Faiz, A.S.², Afaf, S.² & Nurul Nadia Nozlan²

¹ Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

² Pembantu Penyelidik Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

* Corresponding author: azman@usim.edu.my

Abstrak

Pendahuluan: Penyakit jantung merupakan penyebab utama kematian rakyat Malaysia di negara ini dan ia boleh dihadapi oleh kebanyakan bayi atau kanak-kanak yang berpunca daripada masalah penyakit jantung kongenital (CHD), jangkitan virus atau bakteria. Rawatan bagi pesakit jantung kanak-kanak memerlukan kos yang tinggi dan memakan tempoh masa yang agak lama. Perkara ini memberi kesan terhadap ibu bapa dan penjaga kanak-kanak dalam menampung dana rawatan dan kesediaan menghadapi situasi getir sebegini. **Tujuan dan Objektif:** Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan dan permasalahan institusi zakat dalam menyediakan peruntukan bagi kos rawatan pesakit jantung kanak-kanak daripada golongan asnaf. Ini adalah selaras dengan peranan Institusi zakat dan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia sentiasa prihatin dan komitmen dalam membantu umat Islam di Malaysia dalam aspek kehidupan, ekonomi, pendidikan termasuk kesihatan. **Metodologi:** Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisa dokumentasi. **Data & Analisis:** Sumber primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab turath sebagai rujukan utama berkaitan infaq, dan juga sumber lain seperti buku, jurnal, artikel, kertas persidangan/seminar, kertas penyelidikan, tesis, keratan akhbar, carian di laman sesawang dan seumpama dengannya sama ada dalam versi bahasa Melayu, bahasa Arab atau bahasa Inggeris. **Dapatkan Kajian:** Hasil kajian mendapati bahawa sejumlah institusi zakat memainkan peranan yang penting bagi membantu kos rawatan pesakit jantung secara umum bermula dari kos pengesanan awal rawatan sehingga kos rawatan susulan. Cadangan pembentukan dana sumbangan secara khusus boleh dilaksanakan bagi membantu para pesakit jantung khusus kanak-kanak dari golongan asnaf.

Manuscript Received Date: 19/05/21

Manuscript Acceptance Date: 10/07/21

Manuscript Published Date: 02/08/21

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact usimpress@usim.edu.my

doi: 10.33102/uj.vol33no2.263



Universiti Sains Islam Malaysia
ujournal.usim.edu.my

Kata kunci: institusi zakat, bantuan infaq, pesakit jantung kanak-kanak, majlis agama Islam.

Abstract

Introduction: Heart disease is one of the leading causes of death for Malaysians in the country and it can affect most infants or children due to congenital heart disease (CHD), viral or bacterial infections. Treatment for pediatric heart patients requires high costs and takes a relatively long period of time. This affects parents and guardians of children in covering treatment funds and readiness to face such a difficult situation. *Aims & Objectives:* This study aims to identify the practices and problems in providing zakat fund for the cost of treatment of pediatric heart patients based on the eligible groups (asnaf) for zakat. *Methodology:* This qualitative study adopts document analysis methods. *Data & Analysis:* Primary and secondary sources involving the turath books related to infaq, as well as other resources such as books, journals, articles, conference papers/seminars, research papers, thesis, newspaper, website and the like either in Malay, Arabic or English. *Results & Findings:* The results of the study shows that there are several zakat institutions that play an important role in helping the cost of treatment of heart patients in general ranging from the cost of early detection of treatment to the cost of follow-up treatment. However, the proposed formation of a contribution fund specifically can be implemented to help pediatric heart patients from the asnaf group. The noble efforts and initiatives made by this zakat institution clearly prove that zakat plays a big role in helping Muslims in any situation.

Keywords: zakat institutions, infaq assistance, pediatric heart patients, religious council.

1.0 Pendahuluan

Penjagaan kesihatan sangat dituntut di dalam Islam dan ia merupakan salah satu aspek yang terkandung di dalam prinsip maqasid syariah *hizf nafs* memelihara nyawa atau jiwa, dan juga prinsip *hifzul 'aql*, iaitu memelihara akal dan pemikiran. Penjagaan kesihatan yang baik dan berterusan oleh masyarakat dapat menjamin kesejahteraan kehidupan masyarakat di samping dapat menjalani kehidupan yang sihat dan sejahtera. Ini berdasarkan hadis yang bermaksud “Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu.” (Hadis Bukhari). Maka menunaikan hak terhadap tubuh badan adalah menjaga dari sudut fizikal, mental, emosi dan rohani sehingga mencapai matlamat kehidupan sebenar di dalam Islam. Berdasarkan Jami‘ al-Hadith karangan Imam al-Suyuti, Ibn Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

Maksudnya: “Gunakanlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara; Masa hidupmu sebelum datang saat kematianmu, Masa sihat kamu sebelum datang masa sakit kamu, Masa lapang kamu sebelum datang masa sibuk kamu, Masa muda kamu sebelum datang masa tua kamu. Masa kamu kaya sebelum datang masa kamu ditimpak miskin.” (Al-Suyuti, t.th, h.1205)

Penjagaan kesihatan dalam konteks rawatan penyakit jantung sangat perlu dititikberatkan. Hal ini kerana kebanyakan penyakit jantung yang dihadapi oleh rakyat Malaysia telah banyak mengorbankan nyawa terutama kanak-kanak. Penyakit jantung yang banyak dihadapi oleh kebanyakan bayi atau kanak-kanak adalah berpunca daripada masalah penyakit jantung kongenital (CHD), jangkitan virus atau bakteria dan hanya boleh dipulihkan melalui rawatan pembedahan. Berdasarkan kepada pemerhatian, pada kebiasaannya rawatan pembedahan pesakit jantung memerlukan kos rawatan yang tinggi di tambah pula dengan kos rawatan susulan atau pemulihan.

Maka oleh sebab itu, peranan institusi zakat amat penting bagi membantu golongan asnaf terutama anak-anak asnaf yang ditimpa penyakit jantung khususnya kanak-kanak bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh mereka. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengkaji beberapa inisiatif dan bantuan yang diberikan oleh institusi zakat kepada golongan asnaf yang memerlukan bantuan rawatan jantung bagi kanak-kanak di Malaysia.

2.0 Pernyataan Masalah

Penyakit jantung merupakan penyebab utama kematian rakyat Malaysia di negara ini. Ia juga boleh dihidapi oleh kebanyakan bayi atau kanak-kanak yang berpunca daripada masalah penyakit jantung kongenital (CHD), jangkitan virus atau bakteria dan hanya boleh dipulihkan melalui rawatan pembedahan. Menurut Cornelius Piros (2016) dalam kajian beliau menyatakan bahawa dianggarkan lebih 5,000 bayi atau 8 dalam setiap 1,000 kelahiran menghadapi masalah penyakit jantung kongenital (CHD) (Cornelius Piros et al, 2016). Lebih merisaukan, seramai 400 kanak-kanak di bawah umur 5 tahun telah meninggal dunia setiap tahun akibat penyakit jantung kongenital (CHD) (Pusat Kecemerlangan HeartLink Kanak-kanak IJN, 2020). Menurut Laporan Institut Jantung Negara (IJN) menganggarkan 2,500 kes yang terdiri daripada 1,500 kes pembedahan jantung kanak-kanak dan 1,000 kes rawatan secara bukan pembedahan di IJN berlaku pada setiap tahun. Namun begitu, hanya 15 hingga 20 peratus yang mampu membayar secara persendirian, manakala 80 peratus pesakit jantung kanak-kanak memerlukan dana bantuan kos rawatan (Azaman, 2019). Kos perubatan yang sangat tinggi akan menyukarkan pesakit kanak-kanak dari golongan asnaf menerima rawatan yang baik. Bantuan zakat perubatan merupakan salah satu inisiatif yang baik dan berkesan kepada asnaf dalam meringankan beban mereka. Institusi zakat telah memainkan peranan penting dalam menyediakan beberapa skim bantuan perubatan kepada pesakit jantung termasuk kanak-kanak dan penyakit-penyakit lain.

3.0 Kajian Literatur

Kajian terhadap bantuan infaq sudah lama dibincangkan oleh para sarjana dan cendekiawan Islam terhadap tuntutan dan hikmah dalam melaksanakan amalan infaq. Perbincangan tersebut secara umumnya mampu dipraktikkan dan membantu para pesakit jantung kanak-kanak dalam mendapatkan dana rawatan. Terdapat banyak organisasi yang menawarkan bantuan khusus secara langsung kepada pesakit jantung. Walau bagaimanapun, terdapat banyak kes pesakit jantung kanak-kanak memerlukan dana bantuan kos rawatan (Azaman, 2019). Oleh yang demikian, sorotan literatur ini akan memberi fokus kepada kajian lepas berkenaan dengan pesakit jantung kanak-kanak berserta pemberian bantuan infaq.

3.1 Pesakit Jantung Kanak-Kanak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui inisiatif Peduli Kesihatan B40 (PeKa B40) menjelaskan bahawa penyakit jantung adalah antara penyakit kronik yang perlu diberi perhatian oleh populasi B40 selain hipertensi dan diabetes. Penyakit jantung dianggap antara penyakit pembunuhan utama bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat global (Nalluri et. al., 2020; Ravassa, Delles, & Currie, 2019). Golongan kanak-kanak daripada keluarga B40 antara segmen yang berisiko terhadap penyakit jantung kerana beberapa faktor risiko termasuklah, kadar pendidikan/kesedaran kesihatan dalam kalangan ibu bapa yang agak rendah, pemakanan tidak bernutrisi, membesar dalam persekitaran merokok, kurang melakukan diagnosis bagi gejala awal penyakit dan lokasi (pedalaman) yang jauh dari fasiliti perawatan dan perubatan (Amiri et al., 2014; Arris, Ooi, Lee, & Matanjun, 2019; Mahadir Naidu et al., 2019; Shahar et.al, 2019).

3.2 Bantuan Infaq Pesakit Jantung

Terdapat banyak sumber infaq yang telah dijadikan sebagai skim bantuan rawatan jantung. Ia telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi seperti agensi kerajaan (Institut Jantung Negara (IJN)), mahupun Pusat Zakat dan Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri serta badan korporat, badan bukan kerajaan dan juga masyarakat. Pada peringkat nasional (kerajaan), pelancaran Skim Perlindungan Nasional B40 Mysalam oleh kerajaan pada tahun 2019 merupakan salah satu inisiatif bantuan golongan B40 yang memberi perlindungan perubatan dalam bentuk bantuan kewangan. Bantuan yang diberikan hanya memfokuskan kepada 45 jenis penyakit kritis termasuklah penyakit jantung (*MySalam*, t.th). Selain itu, industri korporat juga menghulurkan bantuan dana kepada pesakit jantung iaitu pada tahun 2018 Bank Islam Malaysia Berhad telah menyalurkan dana berjumlah RM300,000 kepada Yayasan Institut Jantung Negara (YIJN) dengan tujuan untuk membiayai kos perubatan dan pembedahan pesakit jantung daripada golongan yang memerlukan terutamanya dari kalangan kanak-kanak yang berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan. Hasilnya 9 orang pesakit berbilang kaum daripada wad peadiatrik IJN telah dikenal pasti dan dipilih sebagai penerima bantuan ini. Jumlah keseluruhan kos yang terlibat adalah sebanyak RM108,000 (Bank Islam, 2018).

Di peringkat Majlis Agama Islam Negeri melalui Pusat Zakat Negeri telah menyediakan beberapa skim bantuan yang memfokuskan kepada pesakit jantung kumpulan B40 terutamanya. Ianya mampu meringankan beban kewangan keluarga yang terlibat akibat peningkatan kos pengesanan dan rawatan. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah memperuntukkan sebanyak RM 2 juta bagi dana rawatan pesakit jantung di IJN meliputi bantuan pembedahan, peralatan dan rawatan susulan sejak diperkenalkan pada tahun 2017. Dana yang diperuntukkan ini adalah melalui dana zakat khusus yang dinamakan sebagai dana zakat khusus bagi pesakit jantung rakyat Johor di IJN (Wan Nur Falihah, 2017). Manakala di Selangor melalui Lembaga Zakat Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM 1.2 Juta (2014) dan RM 150,000 (2018) dan yang disalurkan kepada Yayasan Institut Jantung Negara bagi membantu pesakit jantung dalam kalangan warga Selangor yang berkelayakan (Muhammad Hafiz et.al., 2016 dan LZS, 2018).

Selain itu, Yayasan MyPrihatin turut diwujudkan bagi menghulurkan bantuan kewangan kesihatan termasuklah pesakit jantung dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan melalui program yang dinamakan prihatin kesihatan. Yayasan MyPrihatin bertanggungjawab sebagai institusi pengumpulan dana daripada masyarakat bagi menyelesaikan masalah serta keperluan yang berkaitan ke arah melahirkan masyarakat prihatin. Yayasan ini dilihat aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti penjanaan dana di samping lebih memfokuskan pemberian dana bantuan secara umum iaitu kepada mana-mana pesakit kronik yang tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dalam menanggung keseluruhan kos rawatan-rawatan (Yayasan IJN, t.th).

Badan amal ‘Healing Little Heart’ juga telah bekerjasama dengan Yayasan Noor Al-Syakur dan Ronald McDonald House Charity USM untuk menjayakan Program Kebajikan Pediatrik Kardioterasik Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dengan menampung kos rawatan sakit jantung untuk 60 pesakit sejak tahun 2015 (Zaimatuljuwita, 2019). Program ini telah meringankan beban kewangan pesakit jantung dalam menampung kos rawatan yang dianggarkan sekitar RM40,000 ke RM50,000. Manakala di peringkat negeri, Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor berjumlah RM10 juta telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri Selangor melalui Yayasan Selangor pada tahun 2018. Sasaran utama bantuan ini hanyalah memfokuskan kepada pesakit jantung dalam kalangan B40 dan M40 rakyat Selangor. Usaha ini dilihat mampu mengurangkan beban pesakit jantung yang berjumlah hampir 20,000 pesakit (Norhayati Umur, 2018). Namun begitu, dana sebanyak RM10 juta yang disediakan hanya mampu menampung kos seramai 500 pesakit jantung

sahaja. Persoalannya, sejumlah baki 19,500 pesakit yang masih belum mendapat bantuan dana rawatan, apakah kaedah alternatif bagi mereka untuk mendapatkan dana bagi menampung keseluruhan kos rawatan?

Walaupun terdapat banyak organisasi yang menawarkan bantuan khusus secara langsung menggunakan sumber-sumber infaq sedia ada dan telah diperuntukkan kepada pesakit jantung, namun masih terdapat banyak kes di mana ibu bapa dan penjaga kanak-kanak yang menghidap penyakit jantung terpaksa membuat rayuan bantuan kewangan daripada masyarakat. Hal ini berlaku disebabkan sumber infaq yang sedia ada adalah sangat terhad, manakala jumlah trend permintaan terhadap permohonan bantuan semakin ramai. Tambahan pula, kos rawatan bagi seorang pesakit jantung adalah tinggi kerana ia melibatkan kos pengesanan, kos rawatan dan juga kos susulan.

4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini secara teorinya merupakan kajian yang bersifat kualitatif, iaitu kajian yang cenderung kepada metod pengumpulan data melalui kaedah dokumentasi serta penganalisan kandungan dokumen. Pengumpulan data melalui kajian dokumentasi iaitu membuat rujukan terhadap sumber primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab turath sebagai rujukan utama berkaitan infaq, dan juga sumber lain seperti buku, jurnal, artikel, kertas persidangan/seminar, kertas penyelidikan, tesis, keratan akhbar, carian di laman sesawang dan seumpama dengannya sama ada dalam versi bahasa Melayu, bahasa Arab atau bahasa Inggeris.

5.0 Hasil Kajian

5.1 Jenis Skim Bantuan Zakat Perubatan

Setiap negeri di Malaysia mempunyai pusat zakat atau baitulmal Majlis Agama Islam Negeri yang menguruskan pentadbiran zakat masing-masing sama ada dalam konteks kutipan mahupun agihan. Tadbir urus pengurusan zakat di Malaysia juga berbeza sama ada dikorporatkan atau terus di bawah Majlis Agama Islam Negeri. Walaupun terdapat perbezaan dari segi tadbir urus, namun secara umumnya tiada perbezaan yang besar dari segi kaedah kutipan dan agihan zakat di antara institusi zakat setiap negeri.

Aspek kesihatan dan penjagaan kesihatan merupakan satu perkara penting dalam kehidupan manusia. Namun begitu, keadaan semasa menunjukkan kos rawatan dan perubatan serta kos penjagaan kesihatan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun yang akhirnya akan membebankan masyarakat terutamanya golongan fakir dan miskin. Oleh sebab itu, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak institusi zakat untuk membantu golongan ini termasuk zakat perubatan. Sebagai contoh, Di Negeri Selangor, pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memudahkan proses pengagihan zakat kategori asnaf zakat al-gharimin perubatan dalam bentuk penyediaan satu tabung dana zakat untuk pembiayaan kos rawatan di hospital terpilih dan dana ini akan diuruskan oleh pegawai perubatan di hospital berkenaan. Berdasarkan laporan tahunan zakat Selangor 2016 perbelanjaan untuk menyelesaikan masalah perubatan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 52 juta dan meningkat pada tahun 2016 sebanyak RM 69 juta. Hal ini menunjukkan bahawa bantuan zakat perubatan merupakan salah satu aspek yang amat dititikberatkan dalam institusi zakat khususnya LZS untuk memudahkan golongan fakir dan miskin menerima rawatan (Nur Farhana et.al, 2018).

Manakala di negeri Perlis, terdapat skim agihan perubatan iaitu bertujuan membantu mereka yang mengalami kesulitan akibat sesuatu kesakitan atau kecacatan. Agihan turut diberikan untuk pembelian ubat, peralatan sokongan dan tambang (bagi rawatan di luar Perlis). Membantu pesakit yang tidak mampu menampung pembiayaan kos perubatan di mana-mana pusat perubatan (swasta/Kerajaan) (MAIPS, t.th.). Manakala di Pulau Pinang, bantuan perubatan diberikan kepada

dua bentuk iaitu Bantuan Perubatan Ringan (Membantu meringankan beban golongan Fakir dan Miskin yang tidak mampu bagi menampung pembayaran kos perubatan sama ada di pusat perubatan kerajaan ataupun swasta) dan Bantuan Rawatan / Pembedahan (Membantu pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit-penyakit kronik yang memerlukan rawatan ataupun pembedahan seperti kegagalan fungsi buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis, kanser dan sebagainya) (ZPP MAINPP, t.th.).

Di Wilayah Persekutuan, bantuan perubatan diberikan dalam tiga bentuk iaitu bantuan perubatan am (pembedahan atau ubatan), bantuan peralatan kesihatan dan bantuan hemodialisis bagi meringankan beban untuk mendapatkan rawatan dari mana-mana hospital kerajaan. Manakala di Pahang, bantuan perubatan terdiri daripada bantuan rawatan hospital iaitu merangkumi bantuan rawatan dan peralatan perubatan hospital. Ia dapat membantu meringankan beban kewangan pesakit dan memastikan asnaf mendapat rawatan yang diperlukan (MAIWP, t.th.).

Pada masa ini, bantuan perubatan amat penting disalurkan kepada golongan asnaf yang berkelayakan bagi menjamin kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Justeru, kedudukan prestasi skim bantuan zakat perubatan sedia ada perlu diambilkira dan dianalisa kerana mempunyai ruang yang masih luas untuk menyalurkan bantuan perubatan.

Jadual 1: Jenis Skim Bantuan Zakat Perubatan oleh Institusi Zakat di Malaysia

Bil	Negeri	Skim Bantuan Zakat Perubatan
1	Perlis	Skim Agihan Perubatan
2	Kedah	Bantuan Rawatan Bulanan, Bantuan Rawatan Sekaligus, Bantuan Rawatan Di Klinik Panel & Bantuan Rawatan Di Pusat Haemodialisis
3	Pulau Pinang	Bantuan Perubatan Ringan, Bantuan Rawatan / Pembedahan,
4	Perak	Skim Bantuan Kecemasan / Segera, Skim Bantuan Perubatan & Skim Bantuan Perubatan
5	Selangor	Bantuan Perubatan, Hutang perubatan/rawatan mesin dialisis
6	Wilayah Persekutuan	Bantuan Perubatan (Hemodialisis, Peralatan Kesihatan, AM dan Khas kanak-kanak OKU)
7	Negeri Sembilan	Bantuan Perubatan dan Peralatan Perubatan, Bantuan Hemodialisis
8	Melaka	Rawatan Hemodialisis, Bantuan Sakit Kronik
9	Johor	Skim Bantuan Perubatan
10	Pahang	Bantuan Rawatan Hospital
11	Kelantan	Bantuan Rawatan Perubatan
12	Terengganu	Bantuan Perubatan
13	Sarawak	Bantuan Rawatan/ Perubatan dan Pembedahan Kepada Pesakit
14	Sabah	Bantuan Kewangan Perubatan, Bantuan Pembedahan Kronik, Bantuan Bayaran Bil Perubatan, Bantuan Tiket Penerbangan Pesakit dan Pengiring Pesakit, Bantuan Kewangan Pengiring Pesakit, Bantuan Alat Ganti Anggota Badan (Palsu), Bantuan Alat Perubatan/ Sokongan Hayat, Bantuan Rawatan Dialisisi (Persendirian), Bantuan Rawatan Dialisisi (Muis-NKF))

Sumber: (Laman Sesawang Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

5.2 Peranan Institusi Zakat dalam Pemberian Dana Zakat Kepada Pesakit Jantung

Institutis zakat di Malaysia telah berperanan memberikan sebahagian dana zakat khusus untuk para pesakit jantung. Pemberian bantuan tanpa mengira umur telah Berjaya disalurkan seperti Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah memperuntukkan sebanyak RM 2 juta bagi dana rawatan pesakit jantung di IJN meliputi bantuan pembedahan, peralatan dan rawatan susulan sejak diperkenalkan pada tahun 2017. Dana yang diperuntukkan ini adalah melalui dana zakat khusus yang dinamakan sebagai dana zakat khusus bagi pesakit jantung rakyat Johor di IJN (Wan Nur Faliquha, 2017). Manakala di Selangor melalui Lembaga Zakat Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM 1.2 Juta (2014) dan RM 150,000 (2018) dan yang disalurkan kepada Yayasan Institut Jantung Negara bagi membantu pesakit jantung dalam kalangan warga Selangor yang berkelayakan (Muhammad Hafiz et.al., 2014 dan LZS, 2018).

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) telah memberi sumbangan zakat RM 1 juta kepada Institut Jantung Negara (IJN) pada tahun 2016 dalam memberi bantuan rawatan di samping bantuan kewangan. Antara kriteria yang layak untuk mendapat bantuan kewangan yang diberikan oleh MUIP ini adalah pesakit mestilah pemastatutin Negeri Pahang, Asnaf atau golongan yang kurang berkemampuan, beragama Islam dan menghidap penyakit jantung (MUIP, 2016). Lembaga Zakat Negeri Kedah turut memberikan sumbangan khusus untuk penyakit jantung seperti bantuan rawatan yang melibatkan kos alatan pembedahan, kos pembedahan jantung yang menelan perbelanjaan hampir RM 20,000 dan juga menampung pembelian peralatan sokongan (LZNK, 2018). Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah memberi sumbangan zakat kepada 16 buah hospital dan agensi perubatan di Wilayah Persekutuan berjumlah keseluruhan RM1.3 juta termasuk Tabung Kebajikan Institut Jantung Negara serta Yayasan Institut Jantung Negara yang masing-masing menerima RM 50,000 (Sajidah Sulaiman, 2020). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa institusi zakat telah banyak membantu para pesakit jantung dalam mendapatkan rawatan. Namun, sumbangan khusus terhadap pesakit jantung kanak-kanak adalah termasuk dalam dana sumbangan secara umum pemberian dari institusi zakat kepada Institut Jantung Negara (IJN). Oleh itu, cadangan sumbangan khusus boleh dibentuk bagi membantu lebih ramai pesakit jantung kanak-kanak terutama golongan asnaf.

6.0 Cadangan Permerkasaan Skim Bantuan Zakat Perubatan Pesakit Jantung Di Malaysia

Terdapat beberapa cadangan dalam memperkasakan skim bantuan zakat bagi kos rawatan penyakit jantung kanak-kanak di Malaysia yang boleh menjadi rujukan dan panduan kepada institusi zakat di Malaysia.

Pertama: Kemas kini data anak-anak golongan asnaf yang mempunyai masalah kesihatan terutama penyakit jantung. Pihak institusi zakat disarankan mengemaskini data anak-anak golongan asnaf yang mempunyai masalah kesihatan terutama penyakit jantung bagi setiap negeri menerusi pendekatan bancian atau sebagainya. Setelah bancian dilakukan pihak berwajib, sebaiknya perlu diambil tindakan berdasarkan saranan doktor bagi menyelamatkan nyawa kanak-kanak tersebut. Perkara ini jelas menunjukkan pengemaskini data perlu dilaksanakan supaya tiada keciciran maklumat berkenaan anak-anak golongan asnaf yang turut memerlukan bantuan dana kewangan bagi mendapatkan rawatan penyakit jantung.

Kedua: Keselarasan Agensi Pemberi Bantuan dan Institusi Zakat. Institusi zakat, Yayasan serta NGO Islam amat prihatin dengan masalah kanak-kanak yang menghidapi penyakit jantung. Pelbagai usaha dan bantuan diberikan kepada golongan ini bagi memastikan mereka tidak terbiar dan sentiasa disantuni. Namun jika diperhatikan, keselarasan dalam usaha bantuan dana bagi mendapatkan rawatan tidak berlaku secara holistik yang memerlukan kepada usaha penyelatan dan penyelarasian

yang lebih berkesan dan sistematik. Jika perkara ini berlaku, diyakini sebarang usaha dan bantuan yang ingin dilaksanakan oleh semua pihak akan berjalan dengan lancar dan kesan yang lebih mendalam akan diperolehi.

Ketiga: Mengurangkan Kerenah Birokrasi Masyarakat. Masalah yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat ialah mengenai proses permohonan bantuan dan pengurusan yang lambat dan tidak teratur menyebabkan asnaf yang layak terlepas bantuan yang dimohon. Di hospital, pesakit akan diuruskan oleh pegawai kesihatan menjadikan proses penilaian dan penerimaan lebih cepat dan cekap. Hasil kerjasama ini akan membantu pengagihan zakat lebih berkesan dan diberi kepada golongan anak asnaf yang memerlukan. Hasil kerjasama ini juga dapat meningkatkan imej institusi zakat dan hospital. Kedudukan hospital bukan sahaja dilihat sebagai institusi untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada pesakit malah sebagai institusi pembentukan dan penyatuhan umat Islam dengan pemberian zakat perubatan kepada pihak yang memerlukan. Manakala pusat zakat pula dilihat dapat mengagihkan zakat dengan lebih luas dan berkesan kepada seluruh kawasan yang sukar dicapai dan dikesan.

Keempat: Pencaruman Skim Insurans Takaful. Masalah kewangan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh golongan asnaf lebih-lebih lagi sekiranya mereka ditambah lagi dengan masalah kesihatan. Kesannya, terdapat ramai pesakit jantung terutama asnaf tidak mampu untuk membiayai kos rawatan sehingga mengabaikan masalah kesihatan dalam meneruskan kehidupan. Salah satu langkah yang boleh dilakukan adalah melalui pencaruman skim insurans takaful di mana setiap asnaf diminta untuk mencarum sebahagian bantuan kewangan yang diterima dari institusi zakat. Selain itu, pihak institusi zakat boleh bekerjasama dengan pihak insurans takaful dalam menyediakan keperluan skim insurans takaful yang terbaik untuk golongan asnaf. Maka, setiap asnaf mempunyai salah satu inisiatif iaitu skim insurans takaful sebagai langkah untuk mendapatkan rawatan kesihatan.

7.0 Rumusan

Secara umumnya, jelas menunjukkan bahawa peranan zakat dan instusi zakat amat penting dalam membantu pesakit jantung termasuk kanak-kanak di Malaysia. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pusat zakat yang sentiasa prihatin membantu terhadap pesakit jantung dalam kalangan asnaf. Namun, peranan institusi zakat dalam membantu golongan ini perlu diperkaskan lagi dengan sokongan dan bantuan daripada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, NGO dan sebagainya bagi memastikan golongan ini mendapat bantuan rawatan yang secukupnya. Satu model bersepadu bantuan infaq rawatan jantung pesakit kanak-kanak dalam kalangan B40 di Malaysia secara holistik perlu dibangunkan dalam memastikan segala perancangan terhadap golongan kanak-kanak dari segi rawatan pengesanan awal, rawatan pembedahan, rawatan susulan dan sebagainya sentiasa diberi perhatian. Segala usaha dan inisiatif ini tidak lain bukan adalah untuk membantu golongan ini mendapatkan kesihatan dan kesejahteraan hidup yang baik.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak International Fatwa and Halal Centre (IFFAH) USIM yang membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Khas USIM, bertajuk “Model Bersepadu Bantuan Infaq Rawatan Jantung Pesakit Kanak-Kanak Dalam Kalangan B40 Di Malaysia”, Kod Penyelidikan: PPPI/KHAS_IFFAH/USIM/19120. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

Rujukan

- Al-Bukhari, A.M. (2001). *Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Suyuti, J. (t.t.). *Jami‘ al-Hadith*. T.T.P: T.P.
- Amiri, M., Majid, H.A., Hairi, F., Thangiah, N., Bulgiba, A., & Su, T. T. (2014). Prevalence and determinants of cardiovascular disease risk factors among the residents of urban community housing projects in Malaysia. *BMC Public Health*, 14(Suppl 3), S3.
- Arris, H., Ooi, Y.B.H., Lee, J.-S., & Matanjun, P. (2019). Non-communicable diseases among low income adults in rural coastal communities in Eastern Sabah, Malaysia. *BMC Public Health*, 19(Suppl 4), 554.
- Azaman, A. (2019), 80 peratus kanak-kanak terima rawatan di IJN perlu bantuan dana rawatan. Diakeses melalui pautan <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/80-peratus-kanak-terima-rawatan-di-ijn-perlu-bantuandana-rawatan-219703>, pada 28 Januari 2020.
- Bank Islam. (2018). Bank Islam Salur Rm300,000 Kepada Yayasan IJN Biaya Pembedahan Pesakit Pediatrik. Diakeses melalui pautan <http://www.bankislam.com.my/home/assets/uploads/SIARAN-MEDIA-SADAQA-HOUSE-BANK-ISLAM-SALUR-RM300000-KEPADA-YAYASAN-IJN-BIAYA-PEMBEDAHAN-PESAKIT-PEDIATRIK.pdf> pada 28 Mei 2021.
- Cornelius, P., K..P. Yoshida, Y., Justin Lawrence, P. Yamamoto, E. Reyer, J.A. Hamajima, N. (2016). Pediatric cardiothoracic program in Malaysia: a study based on the outcome of the program. *Nagoya Journal of Medical Science* 78(1): 9-17.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. (2018). Zakat Kedah Jalin Kerjasama Dengan Hospital Kulim. Diakses melalui <https://www.zakatkedah.com.my/zakat-kedah-jalin-kerjasama-dengan-hospital-kulim/> pada 21 Jun 2021.
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. (t.th.). Senarai Bantuan. <https://www.zakatkedah.com.my/senarai-bantuan/#1479711978265-1ef2c29-9f37>
- Lembaga Zakat Selangor (2018). Laporan Ringkasan Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor Disember.
- Lembaga Zakat Selangor. (t.th.). Jenis Agihan Zakat. <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/jenis-bantuan-umum>.
- Mahadir Naidu, B., Mohd Yusoff, M.F., Abdullah, S., Musa, K.I., Yaacob, N.M., Mohamad, M.S., & Sahril, N., Aris, T. (2019). Factors associated with the severity of hypertension among Malaysian adults. *PLoS One*, 14(1), e0207472.
- Majlis Agama Islam & ‘Adat Melayu Perak. (t.t.). Borang Pengagihan Zakat. <https://www.maiamp.gov.my/index.php/zakat/borang-bantuan-zakat.html>
- Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis. (t.t.). Skim bantuan zakat. https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=168&Itemid=845&lang=ms
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (t.t.). Agihan Zakat, Program Bantuan. <https://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. (t.t.). Skim Bantuan Mengikut Asnaf. <http://www.maidam.gov.my/index.php/en/8-asnaf-yang-layak-menerima-zakat>
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. (t.th.). Skim Bantuan. <https://www.maij.gov.my/agihan/skim-bantuan>

- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. (t.t.). Skim Bantuan Zakat Mengikut Asnaf. <https://www.mains.gov.my/v1/zakat/agihan/bantuan>
- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. (t.t.). Skim Bantuan Zakat Mengikut Asnaf. <https://www.mains.gov.my/v1/zakat/agihan/bantuan>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (t.t.). Bantuan zakat. <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/bz>
- Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang. (2017). Institut Jantung Negara Terima Sumbangan Zakat Rm 1 Juta. Diakses melalui <https://reports.muip.gov.my/zakatportal/?p=4511> pada 21 Jun 2021.
- Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang. (t.t.). Fakir dan Miskin. http://reports.muip.gov.my/zakatportal/?page_id=3335
- Majlis Ugama Islam Sabah. (t.th.). Skim Bantuan. https://appszakat.sabah.gov.my/agihan_skim.php
- Muhammad Hafiz, H. Hairunnizam, W. & Sanep, A. (2016). Keberkesanan Agihan Zakat Perubatan Oleh Institusi Zakat: Kajian Lembaga Zakat Selangor (LZS) Dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Dalam Salmy Edawaty et. al. (penyt.) Prosiding Seminar Kebangsaan Emas dalam Institusi Kewangan di Malaysia. Bangi: Jabatan Syariah UKM
- MySalam (Portal rasmi). (t.th.). Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam. Diakeses melalui pautan https://www.mysalam.com.my/b40/info/?url=intro_BM pada 28 Mei 2021.
- Nalluri, S., Saraswathi, R.V., Ramasubbareddy, S., Govinda, K., & Swetha, E. (2020). Chronic Heart Disease Prediction Using Data Mining Techniques. In K. S. Raju (Ed.), Data Engineering and Communication Technology. Vol.1, 903–912. Gateway East, Singapore: Springer Nature.
- Norhayati Umur (2018). Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor beri rakyat rawatan terbaik. Diakses melalui pautan <https://selangorkini.my/2018/02/skim-rawatan-jantung-negeri-selangor-beri-rakyat-rawatan-terbaik/> pada 28 Mei 2021.
- Nur Farhana, S. Hairunnizam, W. Mohd Ali, M.N. (2018). Persepsi Pesakit terhadap Peranan Dana Zakat Membiayai Kos Rawatan Perubatan Asnaf: Kajian di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM). Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia 2018. Penerbit: Pusat Pengajian Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM.
- Pusat Kecemerlangan HeartLink Kanak-kanak IJN (2020). Children's HeartLink Country Fact Sheet. Diakses <http://childrensheartlink.org/wp-content/uploads/2018/01/CHL.Malaysia-Fact-Sheet.pdf> pada 28 Mei 2021
- Ravassa, S., Delles, C., & Currie, G. (2019). Biomarkers of Cardiovascular Disease. In R. M. Touyz & C. Delles (Eds.), Textbook of Vascular Medicine (pp. 319–330). Cham, Switzerland: Springer Nature.
- Sajidah, S. (2020). RM 1.3 Juta Zakat Untuk Hospital, Agensi Perubatan, *Buletin MAIWP*. Edisi Mei 2020.
- Shahar, S., Lau, H., Puteh, S.E.W., Amara, S., & Razak, N.A. (2019). Health, access and nutritional issues among low-income population in Malaysia: introductory note. *BMC Public Health*, 19(Suppl 4), 552.
- Tabung Baitul Mal Majlis Islam Sarawak. (t.t.). Program Memantapkan Kebajikan Ummah. <https://www.tbs.org.my/www/?page=104>
- Wan Nur Faliquha. W.H. (2017, Februari 6). MAINJ sumbang RM2 juta kepada IJN, *Berita Harian*. diakses melalui <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/02/244794/mainj-sumbang-rm2-juta-kepada-ijn> pada 20 Jun 2021.
- Yayasan Institut Jantung Negara (Portal rasmi). (t.t.). Pengenalan Yayasan. Diakeses melalui pautan <https://www.ijnfoundation.org/about/> pada 28 Mei 2021.
- Zaimatuljuwita. (2019). 11 kanak-kanak berjaya jalani pembedahan jantung, diakses melalui <https://www.sinarharian.com.my/article/39944/EDISI/Kelantan/11-kanak-kanak-berjaya-jalani-pembedahan->

Peruntukan dana zakat bagi kos rawatan jantung kanak-kanak: Amalan di institusi zakat di Malaysia

jantung?fbclid=IwAR1tWtTcom7NX3xrUCtki4zAz4OjZL4lc_DOzTJp0efnDHxcRsu7ONltWmY
pada 28 Mei 2021.

Zakat Melaka. (t.th.). Agihan Zakat. <https://www.izakat.com/ui.php>

Zakat Pulau Pinang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Portal rasmi). (t.th.). Jenis Agihan
<https://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/agihan/jenis-agihan>